

## **POTENSI KAMPUNG SUNGAI AYER TAWAR, SELANGOR SEBAGAI KAWASAN PEMBANGUNAN AGRO PELANCONGAN**

### **Potential of Kampung Sungai Ayer Tawar, Selangor as an Agro Tourism Development Area**

ZUBAIDAH BINTI MOHD ESA

Kolej Komuniti Hulu Selangor, Selangor, Malaysia

[zubaidahmohdesa@gmail.com](mailto:zubaidahmohdesa@gmail.com)

#### **Abstrak**

Industri pelancongan dikenali sebagai penyumbang utama ekonomi di Malaysia. Di Selangor, misalnya, kerajaan negeri komited untuk mengembangkan sektor pelancongan negeri dalam memperkuatkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi mereka. Salah satu tarikan pelancong asing dan tempatan adalah cara hidup tradisional dan budaya tempatan terutama di kawasan luar bandar (Khir Toyo, 2006). Oleh itu, usaha menjadikan kawasan luar bandar sebagai produk pelancongan perlu dikembangkan lebih jauh. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti produk dan tarikan di Kampung Sungai Air Tawar, Selangor untuk diketengahkan sebagai pembangunan agro-pelancongan. Untuk menjalankan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan melalui pemerhatian dan temu bual dengan 5 penduduk kampung di Kampung Sungai Ayer Tawar. Data yang diperoleh dibincangkan untuk memilih tempat dan tarikan terbaik di Kampung Sungai Ayer Tawar dan disyorkan untuk pembangunan pelancongan. Semua maklumat penting mengenai tarikan tersebut kemudian akan diterbitkan dan dipromosikan dalam buku panduan pelancongan bertajuk "Keunikan Kampung Sungai Ayer Tawar". Dari kajian ini, diharapkan Kampung Sungai Ayer Tawar dapat dikembangkan sebagai kawasan pelancongan agro untuk membantu meningkatkan pendapatan masyarakat tempatan dan ekonomi Selangor.

Kata kunci: Pelancongan Agro, Kampung Sungai Ayer Tawar, Pembangunan Pelancongan.

#### **Abstract**

Tourism industry known as it becomes major contributor towards economy in Malaysia. In Selangor, for example, the state government is committed to develop the state tourism sector in strengthening the contribution of the services sector to their economy. One of the attractions of foreign and local tourists is the traditional way of life and local culture especially in rural areas (Khir Toyo, 2006). Therefore, efforts to make rural areas a tourism product need to be expanded further. Therefore, this study was conducted to identify products and attractions in Kampung Sungai Air Tawar, Selangor to be highlighted as agro-tourism development. To conduct this study, qualitative methods were used through observations and interviews with 5 villagers in Kampung Sungai Ayer Tawar. The data obtained are discussed to select the best places and attractions in Kampung Sungai Ayer Tawar and recommended for tourism development. All important information about the attraction will then be published and promote in a tourist guidebook entitled "The Uniqueness of Kampung Sungai Ayer Tawar". From this study, it is hoped that Kampung Sungai Ayer Tawar can be developed as an agro-tourism area in order to help increase the income of the local community and the Selangor economic industry.

Keywords: Agro Tourism, Kampung Sungai Ayer Tawar, Tourism Development.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pelancongan adalah perjalanan untuk keseronokan atau perniagaan. Pelancongan terdiri daripada perlancongan antarabangsa, atau di dalam negara (domestik). Organisasi Pelancongan Dunia (WTO) mendefinisikan pelancongan secara umumnya, "melancong ke suatu destinasi dan tinggal di tempat di luar persekitaran biasa mereka selama tidak lebih dari satu tahun berturut-turut pada masa lapang dan tidak kurang daripada 24 jam, atas dasar perniagaan dan tujuan lain ". Industri pelancongan di negara ini semakin mendapat tempat di Malaysia kerana negara mempunyai pelbagai produk untuk ditawarkan kepada pelawat tempatan dan asing. Terdapat beberapa jenis pelancongan di Malaysia, contohnya Pelancongan Pendidikan, Pelancongan Sukan, Pelancongan Perubatan, Inap Desa dan juga Pelancongan Agro.

Agro-pelancongan adalah konsep pelancongan yang semakin popular di Malaysia kerana ia menawarkan pelbagai jenis aktiviti pelancongan yang berkaitan dengan sektor pertanian, perikanan dan penternakan. Pelancongan Agro, merupakan satu konsep pelancongan yang berkembang pesat karena Malaysia menawarkan pelbagai aktiviti kegiatan dan perniagaan tambahan berdasarkan sosio budaya dalam kegiatan pertanian, perikanan, dan penternakan (Rushdi Saleh, 2013). Malaysia adalah negara yang kaya dengan sumber pertanian. Antara aktiviti agro-pelancongan yang diterima dengan baik ialah lawatan ke kebun dan ladang haiwan, pusat penyelidikan dan 'homestay'. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan agensi utama yang bertanggungjawab membangunkan agro-pelancongan, manakala Kementerian Pelancongan membantu dalam hal promosi. (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, 2017).

Agro-pelancongan digunakan secara meluas di seluruh dunia untuk tujuan mengukuhkan aspek sosioekonomi masyarakat setempat. Faedah-faedah daripada Agro-pelancongan termasuklah mempunyai potensi untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pembangunan lestari. (Ceylan C, Gunduz S (2003). Di samping itu, agro-pelancongan adalah pemangkin untuk memulakan aktiviti pelancongan mampan dan mempelbagaikan aktiviti luar bandar. Agro-pelancongan, dikenali kerana mempunyai potensi besar untuk meningkatkan pendapatan masyarakat dan potensi ekonomi ladang kecil, komuniti luar bandar dan pertanian di seluruh negara. Ia adalah konsep pelancongan baru yang menerima penerimaan positif di kalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Agro-pelancongan melibatkan aktiviti pertanian yang mana kebanyakannya melibatkan kawasan luar bandar seperti desa dan kampung.

Kampung Sungai Air Tawar merupakan salah satu kampung yang banyak terlibat dengan aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan. Kampung Sungai Air Tawar mula diterokai pada awal tahun 1918 dari sekumpulan peneroka kecil yang berasal dari Bagan Datoh, Perak dengan tujuan membuka tempat baru untuk pertanian disebabkan keadaan geografinya yang rata, lembap dan sedikit berpaya. Hutan dan belukar ditebang dan kerja-kerja membersihkan kawasan itu dijalankan dan dipelopori oleh Encik Bolkin yang berasal dari Sumatera Barat. Pada tahun 1920, tanah yang dieksplorasi ini ditanam dengan tanaman padi secara besar-besaran oleh Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ehsan. Kemudian wujudlah sebuah perkampungan disitu dan nama "Sungai Ayer Tawar" diambil sempena nama sebatang sungai iaitu Sungai Bernam yang tidak masin. (Koleksi Cerita Rakyat Daerah). Kampung ini terletak

di sebelah Kampung Perenggan, Kampung Tebuk Mufrad, Kampung Parit Baru Baruh, Kampung Sungai Tengar Utara di mana tempat ini di letakan dalam Mukim Sungai Air Tawar.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Usaha untuk menjadikan kawasan pedalaman sebagai produk pelancongan perlu diperluas dan diperkuat (Khir Toyo,2006, bekas Menteri Besar Selangor). Kerajaan negeri komited untuk membangunkan sektor perlancongan negeri dalam mengukuhkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi Selangor. Salah satu tarikan pelancong asing dan tempatan adalah cara hidup tradisional dan budaya tempatan terutama di kawasan luar bandar (Khir Toyo,2006).

Oleh itu, usaha untuk menjadikan kawasan luar bandar sebagai produk pelancongan perlu diperluaskan dan diperkuuhkan lagi dan ini termasuklah pelancongan-Agro yang terletak di luar bandar. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti potensi-potensi pelancongan di Kampung Sungai Air Tawar untuk diketengahkan sebagai destinasi pelancongan-Agro. Sumber kajian dan penyelidikan mengenai keunikan Kampung Sungai Air Tawar ini masih belum dijumpai dan dijalankan oleh mana-mana pihak mahu pun penduduk tempatan kampung tersebut. Penyelidikan dan kajian dilakukan bertujuan bagi mengetengahkan pelbagai keunikan Kampung Sungai Air Tawar sebagai potensi Agro-pelancongan.

### **2.0 KAJIAN LITERASI**

Menurut R.Goeldner & Ritchie, 2006, pelancongan boleh ditakrifkan sebagai proses, aktiviti, dan hasil yang timbul daripada hubungan dan interaksi di kalangan pelancong, pembekal pelancongan, kerajaan tuan rumah, masyarakat tuan rumah, dan persekitaran sekitar yang terlibat dalam menarik pelawat. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis pelancongan contohnya, Pelancongan Pendidikan, Pelancongan Perubatan, Inap desa, Pelancongan Bandar dan Pelancongan Agro.

Agro-Pelancongan biasanya dalam bentuk memperkenalkan tumbuhan dan haiwan, dan biasanya diketahui oleh pelancong tempatan dan meliputi aktiviti-aktiviti penanaman dan rekreasi. Agro-pelancongan adalah satu konsep pelancongan yang berkembang pesat karena Malaysia menawarkan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada pelancongan (MOTAC, 2017). Malaysia diketahui umum sebagai negara yang kaya dengan hasil pertanian dan mempunyai hasil bumi yang subur dan pelbagai. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dalam Agro-pelancongan ini adalah lawatan ke dusun buah-buah dan ladang ternakan, penyelidikan, homestay dan sebagainya.

Dengan sokongan dari sektor kerajaan dalam pemasaran dan mempromosikan pakej pelancongan, terdapat banyak jenis aktiviti dan pakej yang telah dibangunkan dan diperkenalkan untuk menarik pengunjung termasuklah penginapan di ladang, melihat haiwan ternakan, memancing, '*homestay*' dan juga melakukan aktiviti pertanian.

Agensi utama yang membangunkan Agro-pelancongan ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sementara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya membantu dari aspek promosi.Pertanian adalah salah satu sektor penting di Malaysia. Selama bertahun-tahun, sektor ini menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia dengan menghasilkan produk pertanian untuk kegunaan dalam negeri, sebagai penghasil pertukaran mata wang asing. Pertanian juga menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Ia

menyediakan pekerjaan utama untuk rakyat, terutamanya dari luar bandar (Rozhan Abu Dardak, 2015).

Pelancongan luar bandar adalah sukar kerana kawasan luar bandar sendiri sukar untuk menentukan dan menjalani proses perubahan yang kompleks. Berbeza dengan pelancongan bandar ia meliputi pelbagai tarikan dan boleh dibentuk sebagai taman tema, tempat membeli belah, tempat rekreasi dan pelbagai perubahan yang kompleks. Beberapa definisi pelancongan luar bandar menegaskan sifat pelancongan luar bandar, iaitu hubungan dengan alam, mengalami warisan budaya dan berpartisipasi dalam kehidupan luar bandar (Sabine Baum, 2011). Hubungan dengan alam, meliputi pelawat terlibat dengan aktiviti pertanian, penternakan mahupun perikanan. Ini menunjukkan bahawa pelancongan luar bandar melibatkan pengunjung terlibat dengan aktiviti kehidupan luar bandar yang meliputi pelbagai budaya dan tarikan alam.

## **2.1 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti tarikan-tarikan Kampung Sungai Ayer Tawar sebagai destinasi pelancongan.
2. Mentukan potensi-potensi Kampung Sungai Ayer Tawar sebagai destinasi pelancongan Agro.
3. Meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Sungai Ayer Tawar sebagai destinasi pelancongan Agro.

## **2.2 Persoalan Kajian**

1. Apakah tarikan-tarikan Kampung Sungai Air Tawar sebagai destinasi pelancongan Agro.
2. Apakah potensi-potensi yang dihadapi dalam menjadikan kampung Sungai Air tawar sebagai destinasi pelancongan Agro.
3. Apakah masalah-masalah yang menyumbang dalam pembangunan Pelancongan Agro di Kampung Sungai Air Tawar.

## **3.0 METODOLOGI**

Kaedah kualitatif telah digunakan untuk kajian ini. Pengumpulan data memberi tumpuan kepada dua bentuk pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian dan temubual secara mendalam.

Instrumen kajian

### **1. Pemerhatian**

Menurut Peter D.Ashworth (1995), teknik pemerhatian peserta dilihat sebagai proses interaksi sosial, dilihat dalam konteks fenomenologi penyertaan. Penyertaan mengambil kira bahawa orang atau responden boleh menyumbang dengan sewajarnya. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji potensi kampung Sungai Air Tawar sebagai kawasan pelancongan Agro. Oleh itu, pemerhatian dilakukan dengan melihat sendiri keunikan sumber yang dijalankan dan meninjau tarikan yang ada.

### **2. Temubual mendalam**

Temubual mendalam digunakan dalam penyelidikan untuk mendalami dan memahami skop kajian. 6 orang penduduk kampung penduduk tempatan telah ditemuramah secara mendalam

mengikut pelancongan agro yang diusahakan seperti pertanian, perternakan dan perikanan. Komponen penting dalam temubual mendalam ini adalah untuk mendapatkan komuniti setempat memberikan maklumat dan pendapat mereka. Wawancara mendalam digunakan untuk mengikuti proses sebagai contoh bagaimana cara menghasilkan "madu kelulut", tangkapan ikan dan juga aktiviti penternakan.

## 4.0 DAPATAN

### 4.1 Pandangan Maklumat Terhadap Potensi Kampung Sungai Ayer Tawar

Kajian yang dijalankan telah berjaya menjawab persoalan kajian iaitu apakah tarikan kampung Sungai Air Tawar sebagai destinasi pelancongan, apakah potensi yang dihadapi dalam menjadikan kampung Sungai Air Tawar sebagai pelancongan Agro dan apakah masalah yang menyumbang dalam pembangunan pelancongan agro di Kampung Sungai Ayer Tawar.

#### 1. Pandangan informen tentang tarikan Kampung Sungai Ayer Tawar

##### i) Pertanian, Perikanan dan Pernernakan

*“...Kebanyakan penduduk kampung memiliki ladang, kebun dan penternakan sendiri walaupun dalam jumlah kecil, mereka tetap ada. Kebanyakan penduduk juga pekerja ladang. Saya merupakan pengusaha ladang kelapa ini dan sudah hampir 30 tahun. Kebanyakan peladang kecil akan menolak hasil mereka kepada saya...”*

(Informer wanita melayu 1)

*“...Boleh dikatakan 60% penduduk kampung mempunyai penternakan sendiri walaupun sikit mereka tetap ada, penternakan yang dijalankan iaitu kambing, lembu, ayam dan sebagainya. Ada juga yang bersikap inovatif membuat penternakan udang air tawar secara peribadi”*

(Informer lelaki melayu 1)

*“... Nelayan merupakan pekerjaan yang terpenting di Kampung ini, mereka menjual hasil tangkapan mereka kepada penduduk kampung, sekiranya banyak mereka akan memasarkan kepada pasar-pasar sekitar Sabak Bernam...”*

(Informer lelaki melayu 3)

Rata-rata penduduk Kampung Sungai Ayer Tawar menyatakan bahawa kampung ini banyak terlibat dengan aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan. Justeru itu kampung ini berpotensi diketengahkan kearah Pelancongan Agro. Jenis sumber pertanian yang mereka miliki pertamanya terdiri daripada kelapa sawit, kelapa dan limau purut. Ini membolehkan pelancong terlibat aktif dengan aktiviti pertanian seperti kelapa (mengupas, mengait, mengukur kelapa dan memerah santan kelapa), manakala untuk limau purut membolehkan pelancong terlibat dengan aktiviti memetik limau purut dan mengambil daun limau purut sendiri (*self-experienced activity*). Selain itu, dengan penanaman kelapa sawit ia membolehkan pelancong melakukan aktiviti membuat penyapu lidi daripada daun kelapa sawit.

##### Jenis-jenis sumber pendapatan penduduk

Dapatan menunjukkan bahawa pelbagai faktor yang menyokong Kampung Sungai Air Tawar untuk diketengahkan sebagai destinasi pelancongan Agro. Ini adalah disebabkan sumber-

sumber pertanian, penternakan dan perikanan. Jenis sumber pertanian yang mereka miliki terdiri daripada kelapa sawit, kelapa dan limau purut. Selain itu, penternakan merupakan sumber kedua, antara haiwan yang diternak ialah lembu, kambing, ayam kampung, ayam bandar dan kelulut. Seterusnya, perikanan juga merupakan sumber pendapatan ketiga Kampung Sungai Ayer Tawar. Pelbagai cara penangkapan yang digunakan oleh nelayan di kampung tersebut.

### **Kambing blackbelly**

*“... Saya merupakan pengusaha kambing yang mengambil kesempatan membeli kambing jenis blackbelly daripada pihak MARDI. Kambing spesis Blackbelly merupakan spesis yang sukar ditemui di Malaysia. Spesis ini berasal dan terdapat di bahagian barat kepulauan Hindi. Spesis ini mampu mencecah hingga 70kg...”*

(Informer lelaki melayu 2)

Terdapat seorang pengusaha yang inovatif dan kreatif mengambil peluang membeli kambing spesis Blackbelly daripada pihak MARDI sebanyak 11 ekor. Kambing Blackbelly ini di import ke Malaysia dari pulau Barbados pada awal 1990 kepada penternak dan petani di negara ini (Salleh Sheikh Ibrahim). Spesis ini mendapat perhatian pasaran kerana ia sukar dijumpai di negara ini. Kambing spesis ini mampu mencecah sehingga berat 70kg. Pelancong berpeluang untuk melakukan aktiviti bersama kambing istimewa ini seperti memberi makan kepada kambing, bermain bersama kambing dan juga memerah susu kambing apabila sampai masanya.



Lampiran 1: Kambing BlackBelly

### **Lebah kelulut**

*“... Ramai penduduk kampung ini menternak kelulut secara berkelompok, penternak kelulut di kampung ini kira-kira 250 orang”*

(Informer lelaki melayu 4)

*“...saya merupakan salah seorang pengusaha madu kelulut di kampung ini, sayalah pengasas utama kelulut di kampung ini. Saya juga memberi tunjuk ajar kepada mana-mana pihak yang ingin menceburi bidang ini. Di atas minat saya yang mendalam, sambil mengisi masa lapang saya membuat rumah kelulut dengan pelbagai design...”*

(informer lelaki melayu 2)

Kelulut juga mendapat perhatian dari sector pelancongan Agro, kelulut adalah sejenis haiwan lebah yang tidak bersengat dan tidak membahayakan. Kelulut juga menghasilkan manisan madu. Madunya dikatakan mempunyai khasiat untuk memulihkan pelbagai penyakit kronik. Di kampung sungai Air Tawar terdapat seramai 250 kelompok penduduk yang mengusahakan perniagaan kelulut ini. Encik Mohamed Amin merupakan pengusaha kelulut yang pertama dan beliau berkongsi ilmu kepada penduduk kampung mengenai madu kelulut.

Encik Mohamed Amin, pengusaha kelulut yang kreatif telah menghasilkan log rumah kelulut dengan pelbagai rekabentuk seperti rumah Minagkabau dan Banglo. Dengan sikap innovatif dan kreatif, pengusaha itu juga telah menghasilkan pelbagai inovasi menggunakan madu kelulut itu sendiri, antaranya ialah, kapsul Jeruju dan kelulut Bee Pollen, dan minyak Propolis serbaguna. Encik Mohamed Amin juga pernah menerima kunjungan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), dan beliau turut memberikan nasihat dan tunjuk ajar mengenai ternakan itu.



Lampiran 2 : Rumah Kelulut

Menurut kajian Dr Suri Roowi, kajian terhadap madu kelulut di Kampung Sungai Air Tawar, madu kelulut ini baik untuk masalah wanita yang sukar hamil. Berdasarkan kajian terhadap madu kelulut hasil dari kampung ini sendiri, beliau mendapat hasilnya berjaya membantu meningkatkan kesuburan para wanita yang sukar hamil.

### ***Udang Galah***

*“....Pada musim air pasang, hasil dapatan satu bot nelayan mampu mencecah sebanyak 100kg udang galah bagi setiap bot kecil. Terdapat pelbagai saiz udang galah yang ada di Kampung Sungai Air Tawar ini. Terdapat dua jenis udang galah, iaitu udang galah laut dan udang galah sungai...”*

(Informer lelaki melayu 5)

### ***Ikan sembilang***

*“...Ikan sembilang juga merupakan hasil yang menarik perhatian, ikan sembilang di kampung ini terdapat dua jenis iaitu ikan sembilang laut dan hulu. Ikan sembilang hulu banyak terdapat pada musim hujan, manakala dari segi rasa ikan sembilang laut lebih manis rasanya berbanding dengan ikan hulu. Setiap kali pihak luar datang kampung ini, ikan sembilang akan disajikan kepada mereka. Mereka akan menyatakan bahawa rasa ikan sembilang di kampung ini lebih manis berbanding di kampung lain...”*

(Informer lelaki melayu 5)

Nelayan merupakan pekerjaan yang terpenting bagi penduduk Kampung Sungai Air Tawar. Menurut Encik Rahman di Kampung Sungai Air Tawar itu sendiri, terdapat lebih 40 spesis hasil laut termasuk hasil air tawar dan air masin. Beliau merupakan anak jati kelahiran Sungai Air Tawar , pernah berkhidmat bersama Tourism Malaysia selama lebih kurang 5 tahun dan merupakan salah seorang Kapten kapal menguruskan penangkapan ikan di Kampung Sg Air Tawar. Menurut beliau, Kampung Sungai Air Tawar kaya dengan hasil laut dan terkenal dengan kesegaran udang galah dan ikan sembilang.

ii) Tarikan aktiviti tradisional di Kampung Sungai Ayer Tawar

### ***Eagle Feeding***

*“...Dari sepanjang sungai Nirih hingga ke Sungai Air Tawar terdapat kawasan helang yang sering hinggap. Pada dulu kala sebelum kawasan ini ditebang, terdapat banyak pokok nirih sepanjang sungai Nirih in. Oleh kerana itu, ia menjadi tumpuan kawasan helang...”*

(Informer lelaki melayu 1)

Terdapat kawasan tumpuan helang yang hinggap di kawasan sepanjang persisiran sungai dari Kampung Sungai Nirih hingga Sungai Air Tawar. Dimana adanya kawasan paya bakau disitulah terdapat hidupan Helang hinggap dan bersarang di pokok bakau tersebut. Sepanjang persisiran Sungai Ayer Tawar hingga ke Sungai Bernam terdapat banyak pokok bakau Dn disitu tempat helang hinggap. Dengan ini, kawasan ini mampu dijadikan tumpuan pelancong untuk aktiviti memberi makan/ “Eagle Feeding”. Oleh itu, kita haruslah memainkan peranan untuk mengetahui cara untuk mengumpam helang tersebut bagi dijadikan kawasan “Eagle Feeding”

Aktiviti harian penduduk Kampung Sungai Ayer Tawar

### **Gasing pangkah**

*“...Permainan gasing pangkah dijalankan di kampung ini, di sini terdapat pusat gasing pangkah untuk penduduk kampung sebagai aktiviti riadah...”*

(Informer lelaki melayu 4)

Aktiviti gasing pangkah dimainkan di kawasan kampung ini sejak dulu lagi dan ianya menjadi tradisi bagi penduduk kampung ini. Gasing pangkah merupakan tarikan utama di kampung ini, ianya hanya terdapat di kampung Sungai Ayer Tawar. Oleh itu, pusat gasing pangkah diwujudkan bagi mengekalkan tradisi kampung.

### **Bermain wau dan Layang-layang**

*“... Aktiviti bermain wau atau layang-layang dimainkan di kampung ini oleh penduduk kampung pada waktu pagi..”*

(Informer lelaki melayu 4)

Terdapat penduduk kampung yang masih menjalankan aktiviti bermain layang-layang atau wau pada waktu pagi sekitar jam 7 pagi. Bermain wau atau layang-layang pada waktu pagi oleh penduduk kampung ini merupakan satu keunikan yang terdapat di Kampung Sungai Ayer Tawar, lebih menakjubkan permainan ini dimainkan oleh warga tua. Aktiviti ini dimainkan sebelum mereka memulakan aktiviti pagi seperti ke kebun dan ladang.

## **2. Pandangan informen terhadap potensi Kampung Sungai Ayer Tawar sebagai kawasan Agro Pelancongan.**

Antara cara untuk menjadikan Kampung Sungai Air Tawar sebagai Pelancongan Agro ialah dengan mengetengahkan hasil sumber perikanan yang ada di kampung itu, seperti mengadakan aktiviti sewaan bot kecil kepada pelancong untuk merasai sendiri pengalaman memancing hasil segar dari laut. Selain itu, menaikkan gerai-gerai kecil sekitar birai laut untuk penempatan hasil segar yang diperolehi, dan menaikkan restoran kecil untuk pengujung merasai masakan hasil segar laut dimasak disitu.

Selain itu, Kampung Sungai Air Tawar juga mempunyai seorang anak jati kampung yang berjaya dan berpengalaman dalam bidang pelayaran kapal dengan pengalaman lebih dari 30 tahun dalam pelayaran dan beliau juga berkesempatan berkhidmat dalam bidang perlancongan. Beliau turut memiliki kapal mewah peribadi, dan mencadangkan mewujudkan aktiviti “Boat House” dimana pelancong dapat menikmati aktiviti memancing sambil beriadah di dalam “Boat House” tersebut. Pelancong dapat menikmati hasil laut yang diperolehi oleh mereka dengan sendiri dan mengadakan aktiviti “Barbeque” di dalam bot tersebut. Selain itu, tambakan tembok kecil juga boleh diadakan di sepanjang keliling sungai Ayer Tawar untuk dijadikan tempat memancing kepada pelancong. Ini merupakan satu kaedah bagi menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke kampung Sungai Ayer Tawar.

### **3. Pandangan Informen terhadap masalah-masalah yang menyumbang dalam pembangunan Pelancongan Agro di Kampung Sungai Air Tawar.**

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh penduduk Sungai Ayer Tawar untuk menjadikan kampung ini sebagai pelancongan Agro. Masalah tersebut meliputi masalah jaringan internet, jalanraya, bot dan keadaan pasang surut air.

#### ***Internet***

*“...di Kawasan kampung ini tidak semua bahagian kampung mendapat talian internet...”*

(Informer wanita melayu 1)

Seestengah tempat di Kawasan Kampung Sungai Ayer Tawar tidak mendapat talian internet. Hal ini menyukarkan pelancong untuk berhubung dengan orang luar. Oleh itu, pihak bertanggungjawab haruslah memainkan peranan penting dalam menaik taraf sistem komunikasi.

#### ***Jalan raya***

*“...faktor jalan raya yang sempit juga menjadi masalah kepada orang luar untuk datang ke kampung ini...”*

(Informer lelaki melayu 4)

Jalan raya yang terdapat di kampung Sungai Ayer Tawar agak kecil dan sukar untuk kenderaan lalu. Selain itu, terdapat keadaan jalan yang rosak akibat tidak berturap, hal ini menyukarkan pihak luar untuk melakukan aktiviti memancing kerana laluan itu digunakan untuk ke destinasi memancing.

#### ***Bot***

*“...kekurangan bot besar ...”*

Kekurangan bot besar juga menjadi masalah sekiranya ingin memajukan kawasan Kampung Sungai Ayer tawar sebagai destinasi pelancongan Agro dari sektor perikanan. Hal ini tidak dapat menampung jumlah pelancong yang tinggi sekaligus ke tempat yang sama. Hanya terdapat kapal kecil persendirian sahaja, dan tiada penyewaan kapal yang banyak pada permintaan waktu yang sama.

(Informer lelaki melayu 5)

#### ***Pasang surut air***

*“...kadar pasang air laut yang surut menjadi punca kepada hasil jenis laut yang akan diperolehi...”*

(Informer lelaki melayu 5)

Pasar surut air laut menjadi punca utama kepada para nelayan untuk turun ke laut, kerana laluan ke sungai Kampung Sungai Ayer Tawar merupakan laluan utama untuk ke laut. Para nelayan kampung itu, mempunyai jadual mereka tersendiri untuk turun ke laut. Mereka menggunakan kalander islam sebagai panduan air pasang surut di laut.

## **5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Agro-Pelancongan adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan pelancongan yang melibatkan pertanian dan memiliki daya tarikan kampung. Agro-pelancongan adalah konsep pelancongan yang pesat berkembang kerana Malaysia menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan sektor pertanian dan perladangan kepada pelancong. Malaysia sebagai negara kaya dengan hasil pertanian mempunyai hasil yang pelbagai. Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan dari penduduk setempat di Kampung Sungai Air Tawar, kawasan Agro pelancongan sangat bertepatan dengan Kampung Sungai Air Tawar dengan aktivitinya yang meliputi aktiviti pertanian, ternakan dan perikanan. Kesimpulannya, Kampung Sungai Ayer Tawar mempunyai 5 tarikan yang boleh diketengahkan sebagai pelancongan Agro. Kampung Sungai Ayer Tawar berpotensi untuk dijadikan kawasan Agro Pelancongan dan faktor kawasan tanah yang rata lagi mengukuhkan lagi kawasan Agro Pelancongan di kampung ini. Masalah -masalah yang menyumbang dalam pembangunan Pelancongan Agro di Kampung Sungai Air Tawar ini dapat diatasi dengan baik sekiranya tindakan dilakukan ke atas masalah yang dihadapi. Pengkaji berharap kajian ini mendapat perhatian dari pihak Tourism Malaysia dan juga pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam. Penerbitan Buku Panduan Pelancong Kg Sg Air Tawar ini dapat membantu untuk ketengahkan lagi Kampung Sungai Ayer Tawar sebagai Agro Pelancongan dan ianya menjadi medium untuk mempromosikan kampung ini.

## **RUJUKAN**

- Ceylan C, Gunduz S (2003.) Rural women and agrotourism in the context of sustainable rural development: A case study from Turkey
- Harris, David R. and D. Q. Fuller (2014). Agriculture: Definition and Overview.
- Khir Toyo (2006). Pembangunan modal insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara
- Norida Mazlan and Abdul Shukor Juraimi. (2014). Development And Challenges Of Agritourism In Malaysia.
- Peter D.Ashworth (1995). Qualitative research in psychology: Proceedings of the international association for qualitative research in social science
- Rozhan Abu Dardak, (2015)Transformation of agricultural sector in Malaysia through agricultural policy
- Sabine Baum.(2012).The Tourist Potential of Rural Areas in Pola
- (Satia, Patterson, taylor dan Cheney, 2000). Use of qualitative methods to study diet, acculturation, and health in Chinese-American women
- Siti Norsakira Mohamed, Rosniza Aznie Che Rose  
Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan  
(The potential of Kuala Lipis as heritage tourism destination)
- <http://www.motac.gov.my/program/pelancongan/agropelancongan>
- <https://www.unwto.org/glossary-tourism>